

PEMBINAAN MODEL PELAN PEMAKANAN BERDASARKAN PRINSIP
ḤALĀLAN ṬAYYIBAN

MOHAMMAD AMIR WAN HARUN

Tesis ini dikemukakan sebagai memenuhi
syarat penganugerahan ijazah
Doktor Falsafah

Fakulti Tamadun Islam
Universiti Teknologi Malaysia

NOVEMBER 2015

Karya dan hasil penyelidikan ini didedikasikan kepada seluruh umat baginda Nabi Muhammad SAW sebagai panduan di dalam mengamalkan cara pemakanan Islam.

PENGHARGAAN

Segala puji bagi Allah SWT Tuhan sekalian alam serta selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW, keluarganya, para sahabat dan mereka yang mengikuti baginda SAW sehingga ke hari kiamat.

Alhamdulillah, syukur kepada Allah SWT yang telah memberi taufik dan hidayah kepada saya dalam menelusuri perjalanan penyelidikan di peringkat doktor falsafah ini. Sesungguhnya ia merupakan suatu perjuangan yang memerlukan kesabaran dan iltizam yang tinggi serta pengharapan berterusan kepada Yang Maha Esa. Segunung penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga buat semua yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam kajian ini, khususnya kepada penyelia saya **Prof. Madya Dr. Aminuddin Ruskam** yang sentiasa memberi inspirasi, buah fikiran, komentar yang membina, bimbingan dan tunjuk dalam merealisasikan penyelidikan ini. Begitu juga penghargaan dan terima kasih ditujukan buat para pensyarah, kakitangan dan rakan-rakan seperjuangan khususnya di Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia yang telah banyak menyokong dan memberi bantuan tenaga dan buah fikiran kepada saya sehingga terhasilnya kajian ini.

Tidak lupa juga penghargaan ini saya tujukan kepada guru dan rakan-rakan kelab *Association of Islamic Education Scholars* (AIES) khususnya Dr. Kamarul Azmi Jasmi yang telah banyak memberi tunjuk ajar dan nasihat terutamanya dalam bidang penyelidikan kualitatif dan ia telah banyak membantu saya dalam mengukuhkan lagi penyelidikan ini. Sekalung penghargaan juga diberikan kepada Universiti Teknologi Malaysia yang telah memberi ruang dan peluang kepada saya menimba ilmu pengetahuan melalui penyelidikan di dalam universiti ini. Penghargaan seterusnya ditujukan kepada Kementerian Pendidikan Tinggi yang telah membiayai segala kos pengajian dan sara hidup melalui program My Brain 15 sehingga penyelidikan ini telah dapat dijayakan sepenuhnya.

Akhir sekali penghargaan ini dikhususkan sepenuh hati dan jiwa kepada kepada ibu, **Fathiah Abdullah** dan **Teh Amnah Lode** serta ayah, **Wan Harun Wan Hamid** dan **Othman Junus** di atas sokongan, dorongan dan doa-doa kalian sehingga anakmu ini berjaya. Buat penyeri hidupku **Rashidah Othman**, teman suka dan duka yang telah bersusah payah daripada mula sehingga penyelidikan ini disiapkan, terima kasih daku ucapkan atas pengorbananmu. Tidak lupa juga anak-anakku Luqman Al Hakim dan dan Afa El Hakimah, abang, kakak, adik-adik dan semua saudaraku, daku ucapkan jutaan terima kasih, moga Allah SWT membalas segala jasa dan pengorbanan kalian dengan sebaik-baik balasan. *Amin Ya Rab al-'Alamin*.

ABSTRAK

Konsep pemakanan Islam telah lama diketengahkan oleh ramai sarjana Islam. Namun begitu ia berhadapan dengan beberapa permasalahan utama seperti kandungan konsep yang berat dan padat, pencemaran hadis palsu dan sangat lemah, serta kewujudan pelbagai interpretasi *Ḥalālan Ṭayyiban*. Oleh itu, kajian ini dijalankan bertujuan untuk menerokai prinsip *Ḥalālan Ṭayyiban* (PHT) berdasarkan tafsiran mufasir al-Quran, membentuk kod panduan yang mengandungi kunci pemakanan berkaitan sumber makanan dan minuman, membentuk kod panduan yang mengandungi kunci pemakanan berkaitan jenis makanan dan minuman serta membentuk kod panduan yang mengandungi kunci pemakanan berkaitan kaedah pengambilan makanan dan minuman. Selain itu, matlamat akhir kajian adalah untuk membina sebuah model pelan pemakanan berdasarkan PHT. Metodologi kajian ini mengadaptasi kaedah kualitatif sepenuhnya dengan menggabungkan reka bentuk kajian Teori Beralas dan Kajian Dokumentasi. Sebanyak 31 dokumen terlibat dalam pengumpulan data dan kesemuanya dipilih menggunakan kaedah persampelan bertujuan, data-data kemudiannya dianalisis menggunakan perisian Nvivo 10. Dapatan kajian telah menemukan enam PHT, iaitu halal, diterima fitrah jiwa sejahtera, bersih, berkhasiat, selamat, dan tiada syubhah. Dapatan kajian turut mengeluarkan tiga panduan pemakanan utama merangkumi; Panduan pemilihan sumber makanan dan minuman yang mengandungi tiga kod panduan dan empat kunci pemakanan, panduan pemilihan jenis makanan dan minuman yang mengandungi lapan kod panduan dan 36 kunci pemakanan, serta panduan kaedah pengambilan makanan dan minuman yang mengandungi 18 kod panduan dan 44 kunci pemakanan. Selain itu, dapatan juga menghasilkan sebuah dokumen “Model Pelan Pemakanan *Ḥalālan Ṭayyiban*” (MPPHT). Penghasilan MPPHT dijangka dapat mewujudkan dimensi baru konsep pemakanan Islam dan ia berpotensi untuk dimanfaatkan oleh pelbagai pihak bagi meningkatkan hierarki kesihatan spiritual dan fizikal manusia.

ABSTRACT

Islamic dietary concept has been introduced by Islamic scholars over the years. However, it came up with some major issues such as complicated and undefined contents, disfigured with very weak and fabricated hadiths, and the variation of *Ḥalālan Ṭayyiban* interpretations. Hence, this research was carried out to explore the *Ḥalālan Ṭayyiban* principles (HTP) based on the interpretation of *mufassir* al-Quran, to establish guideline codes which contain dietary keys associated with sources of food and beverages, to form guideline codes which contain dietary keys associated with types of food and beverages, and to form guideline codes which contain dietary keys associated with methods of taking food and beverages. Besides, final objective of this research is to develop a dietary plan model based on the HTP. This research employed fully qualitative research approach by combining Grounded Theory research design with Documentary Research. A total of 31 documents were involved in the stage of data collection and they had been selected using purposive sampling method, then all the data were analyzed using Nvivo 10 software. Research findings indicated six HTP, which is halal, accepted by nature and purely soul, hygiene, nutritious, safe, and syubhah-free. The findings were then formulated into three primary dietary guidelines; First, guideline of choosing dietary sources which comprises three guideline codes and four dietary keys, second, guideline of choosing types of dietary which contains eight guideline codes and 36 dietary keys, and guideline of dietary intake methods which comprises 18 guidelines codes and 44 dietary keys. In addition, the findings produced a document entitled “Dietary Plan Model of *Ḥalālan Ṭayyiban*” (MPPHT). The MPPHT is expected to generate a new dimension of Islamic dietary concept and it can be benefited by various parties to improve the hierarchies of human’s spiritual and physical health.

KANDUNGAN

BAB	TAJUK	HALAMAN
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	xiv
	SENARAI RAJAH	xv
	SENARAI SINGKATAN	xvii
	SENARAI LAMPIRAN	xix
1	PENDAHULUAN	1
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar Belakang Masalah	2
	1.3 Penyataan Masalah	6
	1.4 Objektif Kajian	8
	1.5 Persoalan Kajian	9
	1.6 Kerangka Teoretis-Konsepsi Kajian	10
	1.6.1 Kerangka Teoritikal Kajian	10
	1.6.2 Kerangka Konseptual Kajian	14
	1.7 Kepentingan Kajian	17
	1.8 Batasan Kajian	19
	1.9 Definisi Operasional Kajian	21
	1.9.1 Model	21
	1.9.2 Pelan Pemakanan	21

1.9.3	Prinsip <i>Halālan Ṭayyiban</i> (PHT)	25
1.10	Kesimpulan	26
2	SOROTAN LITERATUR	27
2.1	Pengenalan	27
2.2	Pembangunan Aktiviti Berkaitan Pemakanan di Malaysia	28
2.2.1	Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)	28
2.2.1.1	Bahagian Pemakanan (BP), Kementerian Kesihatan Malaysia	28
2.2.1.2	Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan (BKKM), Kementerian Kesihatan Malaysia	29
2.2.2	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)	30
2.3	Konsep Pemakanan Islam	33
2.3.1	Konsep <i>Halālan Ṭayyiban</i> serta Isu Berkaitan Dengannya	33
2.3.2	Fasa Pertama: Pengenalan Konsep Pemakanan Islam di Bawah Bidang Perubatan	36
2.3.3	Fasa Kedua: Pengenalan Konsep Pemakanan Islam Secara Tersendiri	42
2.3.4	Isu Integriti yang Dihadapi Oleh Konsep Pemakanan Islam	44
2.4	Konsep Pemakanan Konvensional	46
2.4.1	Amerika Syarikat: United State Department of Agriculture (USDA)	47
2.4.2	Kanada: Health Canada (HC)	50
2.4.3	Indonesia: Direktor Jenderal Bina Gizi dan Kesehatan Ibu dan Anak (DJBGKIA)	51
2.4.4	Australia: Australian Government Department of Health and Ageing (AGDHA)	53
2.4.5	Singapura: Health Promotion Board (HPB)	54
2.4.6	Malaysia: Bahagian Pemakanan, Kementerian Kesihatan Malaysia (BP, KKM)	56

2.5	Perbandingan Kandungan Pelan Pemakanan di antara Negara Amerika Syarikat, Kanada, Indonesia, Australia, Singapura dan Malaysia	59
2.6	Persamaan Konsep Pemakanan Islam Dengan Pelbagai Konsep Pemakanan Lain	63
2.6.1	Persamaan Konsep Pemakanan Islam Dengan Konsep Pemakanan Yahudi (Kosher)	63
2.6.2	Persamaan Konsep Pemakanan Islam Dengan Konsep Pemakanan Cina	66
2.7	Kajian-kajian Lepas	69
2.7.1	Kajian-kajian Lepas Berkenaan Konsep <i>Halālan Tayyiban</i>	69
2.7.2	Kajian-kajian Lepas Berkenaan Konsep Pemakanan Islam	73
2.7.2.1	Kajian-kajian Lepas Oleh Sarjana Islam Terdahulu	73
2.7.2.2	Kajian-kajian Lepas Oleh Sarjana Islam Masa Kini	75
2.7.3	Rumusan Kajian-kajian Lepas	78
2.8	Kesimpulan	79
3	METODOLOGI KAJIAN	80
3.1	Pengenalan	80
3.2	Reka Bentuk Kajian	82
3.2.1	Teori Beralas (<i>Grounded Theory</i>)	84
3.2.2	Kajian Dokumentasi (<i>Documentary Research</i>)	86
3.3	Sampel dan Persampelan	88
3.3.1	Sampel dan Persampelan Fasa I Kajian	89
3.3.2	Sampel dan Persampelan Fasa II Kajian	93
3.4	Kaedah Pengumpulan Data	95
3.4.1	Pengumpulan Data Fasa I Kajian	97
3.4.2	Pengumpulan Data Fasa II Kajian	97

3.4.2.1	Pengumpulan Data Daripada <i>Tafsir Pimpinan al-Rahman Kepada Pengertian al-Quran</i>	98
3.4.2.2	Pengumpulan Data Daripada <i>al-Kutub al-Tis'ah</i> dan <i>al-Tibb al-Nabawi</i>	99
3.5	Analisis Data	104
3.5.1	Analisis Data Fasa I: Berdasarkan Kaedah Teori Beralas	105
3.5.2	Analisis Data Fasa II Berdasarkan Kaedah Kajian Dokumentasi	106
3.6	Prosedur Akhir Pembinaan MPPHT	109
3.7	Kesahan dan Kebolehpercayaan	112
3.8	Kesimpulan	116
4	DAPATAN KAJIAN	118
4.1	Pengenalan	118
4.2	Pengekodan Dokumen	118
4.3	Dapatan Kajian Fasa I	120
4.3.1	Prinsip Halal	122
4.3.2	Prinsip Diterima Fitrah Jiwa Sejahtera	123
4.3.3	Prinsip Bersih	123
4.3.4	Prinsip Berkhasiat	124
4.3.5	Prinsip Selamat	124
4.3.6	Prinsip Tiada Syubhah	125
4.4	Dapatan Kajian Fasa II	125
4.4.1	PPU 1: Panduan Pemilihan Sumber Makanan dan Minuman (PPSMM)	127
4.4.1.1	KDP 1: Sumber Makanan dan Minuman Hendaklah Halal	128
4.4.1.2	KDP 2: Sumber Makanan dan Minuman Hendaklah Bersih	129
4.4.1.3	KDP 3: Sumber Makanan dan Minuman Hendaklah Tiada Syubhah	130
4.4.2	PPU 2: Panduan Pemilihan Jenis Makanan dan Minuman (PPJMM)	131

4.4.2.1	KDP 1: Makanan dan Minuman Haruslah Daripada Jenis yang Halal	132
4.4.2.2	KDP 2: Makanan dan Minuman Haruslah Daripada Jenis yang Diterima Oleh Fitrah Jiwa Sejahtera	135
4.4.2.3	KDP 3: Makanan dan Minuman Haruslah Bersih	136
4.4.2.4	KDP 4: Makanan dan Minuman Haruslah Selamat	138
4.4.2.5	KDP 5: Makanan dan Minuman Haruslah Tiada Syubhah	140
4.4.2.6	KDP 6: Makanan dan Minuman Haruslah Terdiri Daripada Pelbagai Jenis yang Berkhasiat Daripada Setiap Kumpulan Makanan	144
4.4.2.7	KDP 7: Makanan dan Minuman Haruslah Diutamakan Daripada Jenis yang Terbaik	144
4.4.2.8	KDP 8: Susu Ibu Haruslah Diutamakan di Dalam Pemberian Susu Kepada Bayi	154
4.4.3	PPU 3: Panduan Kaedah Pengambilan Makanan dan Minuman (PKPMM)	155
4.4.3.1	KDP 1: Suci Diri Daripada Hadas Ketika Makan dan Minuman	157
4.4.3.2	KDP 2: Bersihkan Tangan Sebelum dan Selepas Makan serta Berkumur Selepas Makan	158
4.4.3.3	KDP 3: Duduk Ketika Makan dan Minum	159
4.4.3.4	KDP 4: Berdoa Sebelum serta Selepas Makan dan Minum	160
4.4.3.5	KDP 5: Ketahui Kandungan Makanan dan Minuman Sebelum Menjamahnya	162
4.4.3.6	KDP 6: Menggunakan Tangan Kanan Untuk Menyuaip Makanan dan Minuman	163
4.4.3.7	KDP 7: Memulakan Makan Dengan Sesuatu yang Manis, Jika Tidak Mendapatinya Memadai Dengan Tegukan Air	164

4.4.3.8	KDP 8: Perlahan-lahan Menyuap Makanan dan Minuman serta Menyuap Dengan Suapan Kecil	164
4.4.3.9	KDP 9: Memulakan Makan Dari Bahagian Tepi Terlebih Dahulu	166
4.4.3.10	KDP 10: Tidak Bernafas atau Meniup ke Dalam Bekas Makanan dan Minuman	166
4.4.3.11	KDP 11: Tidak Berkata Sesuatu yang Negatif di Hadapan Makanan dan Minuman	167
4.4.3.12	KDP 12: Kadar Minimum Untuk Makan dan Minum Adalah Sekadar Dapat Menguatkan Tubuh Badan, Manakala Kadar Maksimum Adalah Sehingga Memenuhi 2/3 Perut	168
4.4.3.13	KDP 13: Tidak Mencampur Lebih Daripada Tiga Jenis Makanan atau Minuman Dalam Satu Masa	172
4.4.3.14	KDP 14: Makan dan Minum Dengan Cara Selayaknya	174
4.4.3.15	KDP 15: Makan dan Minum Dengan Merendah Diri serta Tawaduk	175
4.4.3.16	KDP 16: Tidak Makan dan Minum di Tempat yang Terdapat Perkara Negatif	176
4.4.3.17	KDP 17: Tidak Membazir di Dalam Makan dan Minum	177
4.4.3.18	KDP 18: Sentiasa Bergerak Aktif	178
4.5	Dapatan Prosedur Akhir Pembinaan Model Pelan Pemakanan <i>Halālan Ṭayyiban</i>	180
4.6	Kesimpulan	182
5	RUMUSAN, PERBINCANGAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN	183
5.1	Pengenalan	183
5.2	Rumusan dan Perbincangan	183
5.2.1	Prinsip <i>Halālan Ṭayyiban</i> (PHT)	184

5.2.2	Panduan Pemilihan Sumber Makanan dan Minuman (PPSMM)	187
5.2.3	Panduan Pemilihan Jenis Makanan dan Minuman (PPJMM)	189
5.2.4	Panduan Kaedah Pengambilan Makanan dan Minuman (PKPMM)	196
5.3	Implikasi Kajian	206
5.3.1	Implikasi Kepada Konsep Pemakanan Islam	206
5.3.2	Implikasi Kepada Pihak Berwajib	207
5.3.3	Implikasi Kepada Industri Halal	207
5.3.4	Implikasi Kepada Individu dan Masyarakat	208
5.4	Cadangan Kajian Lanjutan	209
5.4.1	Kajian Bagi Penerbitan Pelan Pemakanan <i>Halālan Ṭayyiban</i>	209
5.4.2	Kajian Pengenalpastian Hasil Saintifik Berkaitan MPPHT	209
5.4.3	Kajian Pentahkikan Hadis-hadis Pemakanan	210
5.4.4	Kajian Baru Pelan Pemakanan Islam dengan Melibatkan Lebih Banyak Sumber Data	211
5.5	Kesimpulan	212
	RUJUKAN	213
	Lampiran A-D	232-293

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	HALAMAN
2.1	Perbandingan pengenalan KPI di dalam fasa satu dan fasa dua	44
2.2	Hasil analisis perbandingan kandungan pelan pemakanan Amerika Syarikat, Kanada, Indonesia, Australia, Singapura dan Malaysia	60
3.1	Perbezaan di antara sorotan literatur dan Kajian Dokumentasi	87
3.2	Senarai sampel kajian fasa I	91
3.3	Senarai sampel kajian fasa II	94
4.1	Pengkodan dokumen kajian fasa I	119
4.2	Pengkodan dokumen kajian fasa II	120
4.3	Hasil analisis 20 pandangan para mufasir terhadap istilah <i>Halālan Ṭayyiban</i> berdasarkan surah al-Baqarah ayat 168	121

SENARAI RAJAH

NO RAJAH	TAJUK	HALAMAN
1.1	Kerangka teoritikal kajian berdasarkan Jawatankuasa Penyelaras Makanan dan Pemakanan Kebangsaan (2010), al-Ghazāli (2004), al-Dhahabi (1990) dan Ibn Qayyim (1990)	11
1.2	Kerangka konseptual kajian MPPHT	15
2.1	Logo pengiktirafan dan pensijilan GMP, HACCP, MeSTI Dan BeSS	30
2.2	Portal Halal Malaysia- Bahagian Hab Halal JAKIM (www.halal.gov.my)	32
2.3	Aplikasi telefon pintar “myjakim”- Inovasi hasil kerjasama antara Jakim dan Malaysian Administrative Modernisation & Management Planning Unit (MAMPU)	32
2.4	mysms 15888- Semakan status halal menggunakan Sistem Pesanan Ringkas	32
2.5	<i>Handbook of Halal Food Additives</i>	33
2.6	Perkembangan pelan-pelan pemakanan USDA	49
2.7	Pelan pemakanan “ <i>Eating Well With Canada’s Food Guide</i> ”	51
2.8	Pelan pemakanan “ <i>Piring Makanku: Porsi Sekali Makan dan Tumpeng Gizi Seimbang: Panduan Konsumsi Sehari-hari</i> ”	53
2.9	Pelan pemakanan “ <i>Australian Guide to Healty Eating dan Australian Dietary Guidelines</i> ”	54
2.10	Pelan pemakanan “ <i>Dietary Guidelines for Adult Singaporeans dan Healty Diet Pyramid</i> ”	56

2.11	Perkembangan “ <i>Piramid Makanan Malaysia</i> ” dan “ <i>Panduan Diet Malaysia</i> ”	57
2.12	Petikan undang-undang Kashrut di Dalam <i>Perjanjian Lama Laviticus</i> (11:3-9)	63
3.1	Kerangka keseluruhan metodologi kajian	81
3.2	Reka bentuk kajian MPPHT	84
3.3	Sampel dan persampelan kajian	89
3.4	Prosedur pengumpulan data kajian fasa I dan fasa II	96
3.5	Hasil pengumpulan data daripada teks terjemahan al-Quran	99
3.6	Peringkat-peringkat jumlah pengumpulan hadis berkaitan pemakanan	104
3.7	Prosedur analisis data	108
4.1	Model Nod Paparan Bersilang MPPHT	126
5.1	Model Prinsip <i>Halālan Ṭayyiban</i>	184
5.2	Model Panduan Pemilihan Sumber Makanan dan Minuman	188
5.3	Model Panduan Pemilihan Jenis Makanan dan Minuman	190
5.4	Model Panduan Kaedah Pengambilan Makanan dan Minuman	197

SENARAI SINGKATAN

AGDHA	-	Australian Government Department of Health and Ageing
AS	-	<i>'Alaih al-Salām</i>
BeSS	-	Bersih, Selamat dan Sihat
BKKM	-	Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan
BP	-	Bahagian Pemakanan
DJBGKIA	-	Direktor Jenderal Bina Gizi dan Kesehatan Ibu dan Anak
GMP	-	Good Manufacturing Practice
HACCP	-	Hazard Analysis and Critical Control Points
HC	-	Health Canada
HPB	-	Health Promotion Board
HTDP	-	<i>Ḥalālan Ṭayyiban</i> Dietary Plan
HTP	-	<i>Ḥalālan Ṭayyiban</i> Principles
JAKIM	-	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
KDP	-	Kod Panduan
KKM	-	Kementerian Kesihatan Malaysia
KP	-	Kunci Pemakanan
KPI	-	Konsep Pemakanan Islam
KPK	-	Konsep Pemakanan Konvensional
KPM	-	Kementerian Pendidikan Malaysia
MeSTI	-	Makanan Selamat Tanggungjawab Industri
MPHT	-	Model Prinsip <i>Ḥalālan Ṭayyiban</i>
MPKPMM	-	Model Panduan Kaedah Pengambilan Makanan dan Minuman
MPPHT	-	Model Pelan Pemakanan <i>Ḥalālan Ṭayyiban</i>
MPPJMM	-	Model Panduan Pemilihan Jenis Makanan dan Minuman
MPPSMM	-	Model Panduan Pemilihan Sumber Makanan dan Minuman
PKPMM	-	Panduan Kaedah Pengambilan Makanan dan Minuman
PPJMM	-	Panduan Pemilihan Jenis Makanan dan Minuman

PPK	-	Pelan Pemakanan Konvensional
PPSMM	-	Panduan Pemilihan Sumber Makanan dan Minuman
PPU	-	Panduan Pemakanan Utama
RA	-	<i>Raḍia Allāh ‘Anh</i>
SAW	-	<i>Ṣalla Allāh ‘Alaih wa Sallam</i>
SWT	-	<i>Subḥānah wa Ta ‘ālā</i>
TA	-	Teks al-Quran
TH	-	Teks Hadis
TT	-	Teks Tafsir
USDA	-	United States Department of Agriculture

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK	HALAMAN
A	Kata Kunci Pemakanan Daripada Buku <i>al-Ṭibb al-Nabawi</i>	232
B (i)	Laporan Sesi Pemurnian 1	233
B (ii)	Rekod Kehadiran Ahli Panel Makmal MPPHT	238
C (i)	Laporan Pemurniaan Sesi 2	239
C (ii)	Surat Penerimaan Penyertaan di Dalam ISCIID	244
C (iii)	Poster MPPHT yang Dihasilkan Untuk Penyertaan ISCIID	245
C (iv)	Brosur yang Diedarkan Kepada Pengunjung ISCIID	246
C (v)	Sijil Anugerah <i>Gold Award</i> Kepada MPPHT	247
D	Model Pelan Pemakanan <i>Ḥalālan Ṭayyiban</i>	248

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Pemakanan merupakan kombinasi proses pengambilan, penghadaman, penyerapan, penyaluran, dan pencernaan bahan makanan untuk tujuan pembesaran dan pembaikpulihan struktur anggota tubuh badan (Saadan Man, 2014). Dari sudut kesihatan spiritual, amalan pemakanan mempunyai pengaruh terhadap hubungan di antara manusia dengan tuhanNya (al-Ghazāli, 2004; al-Dhahabi, 1990; Ibn Qayyim, 1990). Manakala dari sudut kesihatan fizikal, tabiat pemakanan juga merupakan antara faktor penyumbang utama kepada masalah kesihatan di seluruh dunia (Mohammad Shafiur, 2011). Maka berdasarkan fenomena hubung kait pemakanan dengan kesihatan spiritual dan fizikal, kajian ini dilaksana untuk membentuk sebuah Model Pelan Pemakanan *Halālan Ṭayyiban* (MPPHT). Model pelan pemakanan ini mengetengahkan panduan pemakanan dalam bentuk kod panduan serta kunci pemakanan yang merangkumi panduan pemilihan sumber makanan dan minuman, pemilihan jenis makanan dan minuman serta pemilihan kaedah pengambilan makanan dan minuman menurut tatacara Islam ke arah meningkatkan dan mengekalkan hierarki kesihatan spiritual dan fizikal manusia.

1.2 Latar Belakang Masalah

Amalan gaya pemakanan dipercayai mempunyai pengaruh langsung terhadap hierarki kesihatan tubuh badan serta ia merupakan antara faktor terpenting dalam menjamin kelangsungan hidup yang sejahtera (Manimaran dan Samsudin, 2014). Menyedari kepentingan penjagaan gaya pemakanan sihat, kebanyakan negara di dunia telah mengeluarkan pelan pemakanan sihat sebagai salah satu mekanisme peningkatan taraf kesihatan rakyatnya. Antara pelan pemakanan terawal diperkenalkan secara rasmi adalah "*Food for Young Children*" yang diterbitkan di Amerika Syarikat pada tahun 1916 (Hunt, 1916). Selain Amerika Syarikat, pelbagai negara lain turut menerbitkan pelan pemakanan yang tersendiri antaranya Kanada yang menerbitkan "*Eating Well with Canada's Food Guide*" (Health Canada, 2014), Indonesia yang menerbitkan "*Pedoman Gizi Seimbang*" (Direktorat Jenderal Bina Gizi dan Kesehatan Ibu dan Anak, 2014), Australia yang menerbitkan "*Australian Dietary Guidelines*" (National Health and Medical Research Council, 2013), Singapura yang menerbitkan "*Dietary Guidelines for Adult Singaporean*" (Health Promotion Board, 2003) dan Malaysia yang turut tidak ketinggalan dengan menerbitkan "*Malaysian Dietary Guidelines*" (Jawatankuasa Penyelaras Makanan dan Pemakanan Kebangsaan, 2010).

Di peringkat Kebangsaan, Kerajaan Malaysia melalui Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) tidak terkecuali bergerak aktif dalam penyusunan dan penerbitan pelbagai pelan pemakanan bagi memberi maklumat dan pengetahuan kepada masyarakat tentang kepentingan pemakanan sihat serta kaedah amalan pemakanan yang betul. Dalam merealisasikan matlamat negara untuk menaik taraf hierarki kesihatan rakyat Malaysia melalui amalan pemakanan sihat, KKM telah menerbitkan sejumlah 12 pelan pemakanan berdasarkan sasaran, keadaan dan waktu tertentu, iaitu "*Panduan Nilai Kalori 200 Jenis Makanan*", "*Kandungan Kalori dalam Makanan*", "*Malaysian Dietary Guidelines for Children and Adolescents*", "*Panduan Pemakanan Warga Emas di Institusi*", "*Garis Panduan Pemberian Makanan Bayi dan Kanak-kanak Kecil*", "*Panduan Penyajian Hidangan Sihat Semasa Mesyuarat*", "*Garis Panduan Pelaksanaan Mesin Layan Diri Minuman dan Makanan Sihat dalam Perkhidmatan Awam*", "*Makan Secara Sihat di Hari Raya*", "*Panduan Makan Secara Sihat Semasa Perayaan*

Deepavali”, “*Resipi Kehidupan yang Sihat*” (*Perayaan Tahun Baru Cina*), “*Perancangan dan Pemilihan Menu Sihat Rumah Terbuka Hari Raya Aidilfitri*” serta “*Panduan Pengendalian dan Pemberian Susu yang Selamat di Pusat Jagaan dan Taska*” (Kementerian Kesihatan Malaysia, 2014a). Selain itu KKM turut bekerjasama dengan KPM dalam menghasil dan menerapkan silibus Pendidikan Kesihatan di peringkat sekolah rendah dan menengah di seluruh Malaysia (Bahagian Pendidikan Kesihatan KKM, 2014).

Situasi semasa memperlihatkan pengenalan pelan pemakanan di peringkat global telah menjangkau hampir 100 tahun dengan penglibatan pelbagai negara, namun begitu didapati masalah kesihatan yang berkait dengan gaya pemakanan seperti obesiti atau berlebihan berat badan masih tetap menunjukkan trend peningkatan daripada tahun demi tahun. World Health Organization (2014) melaporkan bahawa pada tahun 2012, dianggarkan sebanyak 6.7% atau 44 juta kanak-kanak yang berusia di bawah 5 tahun mengalami masalah obesiti di seluruh dunia. Jumlah ini merupakan peningkatan sebanyak 2% atau 13 juta orang dalam tempoh 22 tahun daripada tahun 1990 yang hanya merekodkan 4.7% atau 31 juta orang sahaja (World Health Organization, 2010, 2014).

Manakala di peringkat Kebangsaan, World Health Organization (2010) merekodkan pada tahun 2010 Malaysia menduduki tangga keenam tertinggi dari kalangan Negara-negara Asia yang mempunyai penduduk dewasa paling ramai mengalami masalah obesiti. Kedudukan ini memberi gambaran bahawa permasalahan obesiti kalangan masyarakat Malaysia adalah semakin membimbangkan. Kajian yang dilaksanakan oleh National Health and Morbidity Survey (2011) yang ditubuhkan di bawah KKM menunjukkan, pada tahun 2011 dianggarkan sebanyak 27.2% atau 4.4 juta rakyat Malaysia berumur 18 tahun ke atas mengalami obesiti. Jumlah ini merupakan peningkatan sebanyak 13.2% atau 1.6 juta dalam masa 5 tahun daripada tahun 2006 yang hanya merekodkan sebanyak 14% atau 2.8 juta orang (Myhealth, 2014; Letchuman *et al.*, 2006). Situasi ini menimbulkan persoalan mengapakah peratusan obesiti masyarakat di seluruh dunia termasuk di Malaysia terus meningkat sedangkan agensi-agensi kesihatan di setiap negara termasuk KKM telah

mengeluarkan pelbagai pelan pemakanan bagi memberi pengetahuan dan panduan kepada masyarakat terhadap gaya pemakanan sihat?

Persoalan ini mungkin berbalik kepada rangsangan yang timbul daripada pelan pemakanan itu sendiri. Daripada perspektif konvensional, kesihatan tubuh badan adalah berkait rapat dengan gaya pemakanan individu (Manimaran dan Samsudin, 2014). Sebuah kaji selidik telah dijalankan di Amerika Syarikat bagi mengenal pasti hubungan pemakanan dan kesihatan, dapatan kajian mendapati bahawa sebanyak 71% pengguna percaya bahawa makan dan nutrisi memainkan peranan paling penting dalam mengekalkan dan meningkatkan kesihatan secara menyeluruh (International Food Information Council, 2014). Maka daripada dapatan kajian ini boleh disimpulkan bahawa rangsangan masyarakat awam untuk mengamalkan gaya pemakanan sihat adalah berdasarkan kecaknaan atau kepedulian mereka terhadap kesihatan tubuh badan mereka sendiri. Keadaan ini berbeza daripada pengamalan Konsep Pemakanan Islam (KPI) yang tidak tertakluk kepada rangsangan kesihatan fizikal semata-mata, bahkan dalam KPI turut terkandung rangsangan kesihatan spiritual yang dapat dicapai melalui ketaatan terhadap perintah Allah SWT dan mengikuti sunnah Rasulullah SAW dalam aspek pemakanan (al-Ghazāli, 2004; Ibn Qayyim, 1990; Saadan Man, 2014;). Oleh itu, KPI berkelebihan dari aspek rangsangan untuk mengamalkannya berbanding konsep pemakanan konvensional (KPK). Maka berdasarkan kelebihan ini, KPI seharusnya diketengahkan kepada masyarakat khususnya masyarakat Muslim bagi menyokong usaha pihak berwajib ke arah meningkat dan mengekalkan kesihatan spiritual dan fizikal.

Merujuk kepada KPI yang telah diperkenalkan sejak dahulu sehinggalah ke hari ini, walaupun ia mempunyai kelebihan dari aspek rangsangan pengamalan, namun didapati sebahagian sarjana Islam terdahulu lebih cenderung mengetengahkan KPI secara tidak langsung atau bergabung di bawah bidang perubatan (al-Qurṭubi, 1998; Ibn Sīna, 1984; al-Dhahabi, 1990; Ibn Qayyim, 1990). Walaupun trend penulisan tersebut didapati telah semakin berubah pada masa kini dengan penerbitan pelbagai penulisan yang menfokuskan KPI, namun unsur-unsur perubatan pula turut dimasukkan ke dalamnya (Deuraseh, 2014; Abd al-Bāsiṭ, 2011; Mohammad Mazhar, 2009; Monika, 2003). Situasi ini menyebabkan KPI yang diketengahkan dalam

pelbagai penulisan pada masa kini masih lagi mengekalkan konsep yang lama dengan halaman yang tebal, kandungan yang padat dan reka bentuknya hanya dipenuhi tulisan semata-mata. Perkara ini didapati berbeza dengan panduan pemakanan konvensional yang menggunakan pendekatan kaedah penulisan ringkas, ringan dan reka bentuk menarik melalui hiasan gambar dan tulisan pelbagai warna dan bentuk bagi menarik minat masyarakat untuk membaca seterusnya memudahkan mereka untuk memahaminya (Health Canada, 2014; United State Department of Agriculture dan United State Department of Health and Human Services, 2010; Jawatankuasa Penyelaras Makanan dan Pemakanan Kebangsaan, 2010).

KPI yang diketengahkan pada masa kini turut berdepan cabaran integriti dengan kewujudan pelbagai karya dan buku berkenaan pemakanan Islam yang mengandungi sumber rujukan yang bercampur-campur di antara sumber sahih dan sumber tidak sahih. Perkara ini berlaku berpunca daripada kurang mengambil berat terhadap pentahkikan kesahihan sumber rujukan (Abd al-Bāsiṭ, 2011; Ummu Abdillah, 2009; Mohamed Jusoh 1986). Percampuran sumber rujukan yang sahih dan tidak sahih di dalam KPI dikhuatiri akan menjejaskan keyakinan masyarakat untuk menerima serta mengamalkannya.

Selain itu, perlu diketahui bahawa KPI adalah berpaksikan kepada suatu istilah yang disebut di dalam al-Quran sebagai *Ḥalālan Ṭayyiban* (Saadan Man, 2014). Namun fenomena semasa pada era ini memperlihatkan bahawa pengaplikasian istilah *Ḥalālan Ṭayyiban* tidak lagi tertumpu kepada soal pemakanan sahaja, bahkan ia telah berkembang kepada pelbagai sektor termasuklah di dalam sektor pengurusan dan pembekalan (Emi Normalina *et al.*, 2012; Jabatan Standard Malaysia, 2010). Melihatkan perkembangan pesat aplikasi istilah *Ḥalālan Ṭayyiban*, pelbagai pihak telah tampil menghuraikan *Ḥalālan Ṭayyiban* dengan pelbagai tafsiran berbeza berdasarkan kepelbagaian bidang dan perspektif (Ann Wan Seng, 2013; Sazelin; 2012; Mohd Dasuqkhi *et al.*, 2012; Zul Ramli, 2012; Omar dan Jaafar, 2011; Khairul Anwar, 2008; Che Wan Jasimah, 2000). Kewujudan pelbagai tafsiran ini ditakuti boleh mengundang kekeliruan terhadap definisi sebenar istilah *Ḥalālan Ṭayyiban* seperti yang telah dijelaskan oleh para sarjana mufasir Islam. Kekurangan kajian khusus secara mendalam bagi merungkai definisi sebenar istilah ini serta mengukuhkan

prinsip-prinsipnya juga boleh membawa kepada pendefinisian sewenang-wenangnya oleh pelbagai pihak yang berkepentingan. Situasi ini seterusnya boleh mempengaruhi KPI yang cuba diketengahkan oleh para sarjana Islam masa kini.

Berdasarkan isu dan permasalahan yang wujud di dalam KPI sedia ada seperti yang telah dibincangkan, maka sebuah kajian relevan untuk dilaksana bagi memperbaiki dan menambah baik KPI sedia ada ke arah memperkenalkan dan mengembangkan KPI secara lebih meluas.

1.3 Penyataan Masalah

Senario semasa telah memperlihatkan peningkatan masalah kesihatan terutamanya obesiti walaupun pelbagai rujukan mengenai amalan gaya pemakanan sihat telah dihasilkan dan diterbitkan oleh agensi-agensi kesihatan di seluruh dunia. Situasi ini mungkin berbalik kepada permasalahan kurangnya rangsangan untuk mengamalkan KPK sedia ada. Oleh itu kelebihan dari aspek rangsangan yang dimiliki oleh KPI perlu dimanfaatkan dengan mewujudkan sebuah MPPHT. Model pelan pemakanan ini secara tidak langsung boleh bertindak sebagai rakan strategik kepada KPK dalam meningkat dan mengekalkan kesihatan yang baik sekaligus mengurangkan risiko penyakit berkaitan pemakanan seperti sakit jantung, kencing manis dan diabetes. Bagi merealisasikan matlamat tersebut, KPI sedia ada yang telah diperkenalkan oleh para sarjana Islam dalam bentuk bahan bacaan berat dan padat perlu diberi penambahbaikan agar ia lebih mudah difahami dan diamalkan oleh masyarakat. Maka melalui kajian ini, penambahbaikan terhadap KPI sedia ada dilakukan dengan memperkenalkan kod panduan dan kunci pemakanan bagi membentangkan KPI dalam bentuk ringkas dan mudah untuk difahami seterusnya diamalkan.

Selain itu, KPI sedia ada turut berdepan isu integriti akibat daripada sandaran kepada rujukan yang bercampur-campur antara sahih dan tidak sahih. Kewujudan hadis-hadis palsu dan tersangat lemah yang dirujuk oleh sebahagian sarjana Islam dalam mengetengahkan KPI boleh menyebabkan terhakis kepercayaan masyarakat terhadap KPI. Oleh itu semasa proses pembinaan MPPHT, rujukan yang terdiri

daripada hadis dinilai dan dimurnikan bagi memastikan integriti KPI tidak lagi menjadi suatu isu yang perlu diragukan.

Oleh kerana perbincangan mengenai KPI tidak boleh terpisah daripada istilah *Ḥalālan Ṭayyiban*, kepelbagaian tafsiran dan huraian *Ḥalālan Ṭayyiban* yang diberikan oleh pelbagai pihak berkepentingan dan tidak berkepentingan perlu diselaras terlebih dahulu. Maka bagi memastikan MPPHT yang dibina adalah selaras dengan interpretasi *Ḥalālan Ṭayyiban* yang sebenar, kajian ini turut menerokai tafsiran *Ḥalālan Ṭayyiban* yang telah dikemukakan oleh para mufasir al-Quran bagi menghasilkan sebuah prinsip *Ḥalālan Ṭayyiban* yang jitu dan komprehensif, seterusnya memandu dalam proses pembinaan MPPHT.

Keseluruhan permasalahan yang telah dinyatakan di dalam kajian ini dijangka dapat diatasi melalui penghasilan sebuah dokumen MPPHT yang dibina berdasarkan prinsip-prinsip *Ḥalālan Ṭayyiban*. Dokumen MPPHT ini membentangkan KPI dalam bentuk kod panduan beserta kunci pemakanan yang merangkumi tiga panduan pemakanan utama, iaitu panduan pemilihan sumber makanan dan minuman, panduan pemilihan jenis makanan dan minuman serta panduan kaedah pengambilan makanan dan minuman.

1.4 Objektif Kajian

Kajian ini menfokuskan penerokaan huraian dan tafsiran istilah *Halālan Ṭayyiban* bagi membentuk prinsip-prinsipnya. Kajian ini turut menumpu kepada pembinaan sebuah model pelan pemakanan yang ringkas, mudah, berintegriti yang selaras dengan prinsip-prinsip *Halālan Ṭayyiban*. Bagi merealisasikan matlamat ini, pengkaji memastikan keberhasilan pencapaian objektif-objektif berikut:

1. Menerokai prinsip-prinsip *Halālan Ṭayyiban* berdasarkan tafsiran mufasir al-Quran.
2. Membentuk kod panduan yang mengandungi kunci pemakanan berkaitan pemilihan sumber makanan dan minuman daripada perspektif Islam.
3. Membina kod panduan yang mengandungi kunci pemakanan berkaitan pemilihan jenis makanan dan minuman daripada perspektif Islam.
4. Menghasilkan kod panduan yang mengandungi kunci pemakanan berkaitan kaedah pengambilan makanan dan minuman daripada perspektif Islam.
5. Membina sebuah Model Pelan Pemakanan berdasarkan prinsip *Halālan Ṭayyiban*.

1.5 Persoalan Kajian

Bagi memastikan keberhasilan pencapaian objektif yang ditetapkan, kajian ini cuba menjawab persoalan kajian seperti berikut:

1. Apakah prinsip-prinsip *Ḥalālan Ṭayyiban* menurut tafsiran mufasir al-Quran?
2. Bagaimanakah kod panduan yang mengandungi kunci pemakanan yang berkait dengan pemilihan sumber makanan dan minuman menurut pandangan Islam?
3. Bagaimanakah kod panduan yang mengandungi kunci pemakanan yang berkait dengan pemilihan jenis makanan dan minuman menurut pandangan Islam?
4. Bagaimanakah kod panduan yang mengandungi kunci pemakanan yang berkait dengan kaedah pengambilan makanan dan minuman menurut pandangan Islam?
5. Bagaimanakah model pelan pemakanan berdasarkan prinsip *Ḥalālan Ṭayyiban*?

1.6 Kerangka Teoretis-Konsepsi Kajian


Sesebuah kajian ilmiah kebiasaannya didasari oleh suatu kerangka teori yang kemudiannya akan memandu kajian bagi membentuk sebuah kerangka konseptual (Mildred dan Shuki, 2007). Menurut Mildred dan Shuki (2007) lagi, kerangka teoretis-konsepsi yang baik perlulah mempunyai elemen berikut:

- i. Pautan antara kerangka teori dan kerangka konsep.
- ii. Perkaitan logikal antara soalan kajian dengan kerangka teori dan kerangka konsep.
- iii. Perkaitan antara kerangka teori dan kerangka konsep dengan prosedur kaedah kajian.

Merujuk kepada kajian ini, Kerangka Teoretis-Konsepsi dijelaskan melalui perbincangan berasingan yang dimulakan dengan perbincangan mengenai kerangka teoritikal kajian, seterusnya dilanjutkan kepada perbincangan berkaitan kerangka konseptual kajian.

1.6.1 Kerangka Teoritikal Kajian

Kerangka teoritikal merupakan panduan asas bagi menentukan orientasi penyelidikan yang dilakukan serta mengenal pasti soalan-soalan yang berlegar-legar di minda pengkaji yang perlu diselesaikan, selain ia juga bertindak sebagai penanda aras dalam kajian (Zulkifli, 2014; Merriam, 2009). Mildred dan Shuki (2007) pula menambah bahawa penghasilan kerangka teoritikal merupakan langkah pertama yang menyokong pembinaan kerangka konseptual. Merujuk kepada kajian ini, gabungan beberapa konsep pemakanan Islam dan konvensional diadaptasi sebagai petunjuk bagi melihat beberapa elemen perkaitan dan ciri utama pemakanan bagi membentuk kerangka teoritikal kajian. Keseluruhan kerangka teoritikal kajian digambarkan dalam rajah 1.1 berikut.



Rajah 1.1 Kerangka teoritikal kajian berdasarkan Jawatankuasa Penyelaras Makanan dan Pemakanan Kebangsaan (2010), al-Ghazālī (2004), al-Dhahabi (1990) dan Ibn Qayyim (1990).

Merujuk kepada rajah 1.1 di atas, kerangka teoritikal kajian ini didasari dua kandungan utama seperti berikut:

- i. Kesihatan spiritual - Gaya pemakanan seharusnya menyokong ke arah kesihatan spiritual.
- ii. Kesihatan fizikal - Gaya pemakanan haruslah menyokong ke arah kesihatan fizikal.

Gaya pemakanan yang menyokong kesihatan spiritual telah ditekankan oleh al-Ghazālī (2004) al-Dhahabi, (1990) dan Ibn Qayyim (1990) dalam konsep pemakanan mereka. Berdasarkan konsep-konsep tersebut, sesebuah gaya pemakanan dianggap selaras dengan KPI sekiranya ia memenuhi ciri-ciri yang dapat memelihara serta

meningkatkan keimanan dan ketakwaan individu Muslim. Ciri-ciri tersebut merangkumi ketaatan kepada perintah Allah SWT agar makan rezeki yang halal lagi baik serta ikutan kepada sunnah pemakanan Rasulullah SAW berdasarkan kedudukan baginda SAW sebagai contoh teladan yang baik kepada semua umat manusia di sepanjang zaman dan dalam segala aspek kehidupan (surah al-Ahzab, 33: 21). Hubungan kait di antara pemakanan dengan iman dan takwa serta kepentingan menjaga pemakanan selaras dengan prinsip Islam telah dijelaskan oleh Rasulullah SAW dengan bersabdanya:

"أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّ اللَّهَ طَيِّبٌ لَا يَقْبَلُ إِلَّا طَيِّبًا وَإِنَّ اللَّهَ أَمَرَ الْمُؤْمِنِينَ بِمَا أَمَرَ بِهِ الْمُرْسَلِينَ فَقَالَ (يَا أَيُّهَا الرُّسُلُ كُلُوا مِنَ الطَّيِّبَاتِ وَاعْمَلُوا صَالِحًا إِنِّي بِمَا تَعْمَلُونَ عَلِيمٌ) وَقَالَ (يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا كُلُوا مِن طَيِّبَاتِ مَا رَزَقْنَاكُمْ) . « ثُمَّ ذَكَرَ الرَّجُلَ يُطِيلُ السَّفَرَ أَشْعَثَ أَغْبَرَ يَمُدُّ يَدَيْهِ إِلَى السَّمَاءِ يَا رَبِّ يَا رَبِّ وَمَطْعَمُهُ حَرَامٌ وَمَشْرَبُهُ حَرَامٌ وَمَلْبَسُهُ حَرَامٌ وَعُدْيَتُهُ بِالْحَرَامِ فَأَنَّى يُسْتَجَابُ لِذَلِكَ "

“Wahai umat manusia, sesungguhnya Allah itu baik dan dia tidak menerima melainkan yang baik, dan Allah SWT telah memerintahkan para Mukmin dengan dengan apa yang telah diperintahkan kepada para Rasul. Kemudian baginda SAW membaca ayat: (Wahai para Rasul, makanlah daripada rezeki yang baik dan beramallah dengan amalan yang soleh, sesungguhnya Aku mengetahui apa yang kamu kerjakan) [surah al-Mu’minun, 23: 51]. Dan baginda SAW membaca lagi: (Wahai orang-orang yang beriman, makanlah daripada yang baik apa yang telah Kami rezekikan kepadamu) [surah al-Baqarah, 2: 172]. Kemudian baginda SAW menyebut tentang seorang lelaki yang melalui permusafiran yang panjang sehingga menyebabkan rambutnya menjadi kusut dan berdebu, dia mengangkat tangan berdoa ‘wahai tuhan’...‘wahai tuhan’ sedangkan makanannya haram, minumannya haram, pakaiannya haram dan dia diberi makan dengan yang haram, maka bagaimanakah doanya akan dimustajabkan dalam keadaan demikian” (riwayat Muslim, 1998: 2393).

Hadis ini menurut al-Nawawi (1972) merupakan salah satu hadis terpenting yang terkandung di dalamnya sumber hukum hakam Islam yang utama. Hadis ini menjelaskan bahawa perkara paling utama yang perlu dinilai dalam pemakanan adalah aspek yang berkaitan hubungan manusia dengan Tuhannya. Oleh itu al-Rāzi (2000), Ibn Kathīr (1999) dan al-Alūsi (1994) ketika mensyarahkan ayat daripada surah al-Mu’minun (23: 51) dalam hadis tersebut menegaskan bahawa kekuatan untuk melakukan amalan soleh adalah tercetus daripada penjagaan pemakanan halal lagi baik. Oleh kerana itu para Rasul AS berpegang teguh kepada perintah ini, maka natijahnya Allah SWT menghimpunkan segala kebaikan kepada mereka sama ada

daripada segi percakapan dan perbuatan. Ibn Kathīr (1999) turut meriwayatkan tafsiran al-Ḥasan al-Baṣri mengenai ayat ini bahawa sesungguhnya manusia tidak diperintah kepada makanan merah, atau kuning, atau manis atau masam, tetapi manusia hanya diperintah untuk makan daripada rezeki yang halal.

Kandungan kedua dalam kerangka teoritikal menekankan pengamalan gaya pemakanan yang menyokong kesihatan fizikal. Kandungan kedua ini didasari konsep pemakanan sarjana Islam iaitu al-Dhahabi (1990) dan Ibn Qayyim (1990) serta konsep pemakanan konvensional “*Malaysian Dietary Guidelines*” daripada Jawatankuasa Penyelaras Makanan dan Pemakanan Kebangsaan (2010). Berdasarkan penelitian dan perbandingan terhadap kedua-dua konsep ini - Islam dan konvensional - , didapati walaupun matlamat pemakanan adalah sama iaitu untuk mencapai kesihatan fizikal, namun terdapat perbezaan di antara kedua-duanya dari segi kaedah pelaksanaannya. Konsep sarjana Islam lebih cenderung kepada galakan untuk menjauhi gaya pemakanan tidak sihat manakala konsep pemakanan konvensional lebih cenderung menggalakkan pengamalan gaya pemakanan sihat.

al-Dhahabi (1990) dan Ibn Qayyim (1990) menerusi konsep pemakanan mereka menekankan bahawa untuk mengekalkan kesihatan haruslah menjauhi daripada melazimi gaya pemakanan berikut:

- i. Makan sebelum dihadamkan makanan yang terdahulu.
- ii. Melebihi makan daripada kadar yang diperlukan oleh tubuh badan.
- iii. Memperbanyakkan campuran pelbagai makanan dalam satu-satu masa terutama makanan yang berbeza sifatnya.
- iv. Makan makanan yang tidak berkhasiat dan tidak bermanfaat.
- v. Memperbanyakkan makan makanan yang sukar dihadamkan.


Manakala konsep pemakanan konvensional yang diketengahkan di dalam *Malaysian Dietary Guidelines* (Jawatankuasa Penyelaras Makanan dan Pemakanan Kebangsaan, 2010) menggalakkan pengamalan gaya pemakanan berikut:

- i. Makan daripada setiap jenis kumpulan makanan.
- ii. Melakukan pekerjaan yang aktif.
- iii. Kawal jumlah makanan daripada setiap jenis kumpulan makanan.
- iv. Memilih makanan yang bersih dan selamat.
- v. Meneliti maklumat nutrisi pada label sesuatu makanan.
- vi. Mengamalkan penyusuan susu ibu kepada bayi.

Kerangka teoritikal kajian ini seterusnya dijadikan sebagai *framework* umum kepada pengkaji dalam mencorak kerangka konseptual kajian serta sebagai pemandu arah perjalanan kajian ke arah merealisasikan pembinaan MPPHT.

1.6.2 Kerangka Konseptual Kajian

Kerangka konseptual dibina bertujuan memberi gambaran menyeluruh struktur kajian (Jimain, 2012; Taylor, 2006). Kerangka konseptual kebiasaannya dibina daripada kerangka teori bagi menjelaskan perhubungan antara teori-teori abstrak dalam bentuk liputan komprehensif. Pengkaji juga turut berpandukan kerangka konseptual yang dibina untuk menjawab persoalan-persoalan kajian serta melaksanakan prosedur empirikal (Setiadi, 2007). Pembinaan kerangka konseptual yang baik memungkinkan pengkaji membentangkan dapatan kajiannya dengan yakin, jelas, padat serta menjawab soalan-soalan kajian dengan efektif (Mildred dan Shuki, 2007). Kerangka konseptual kajian ini dibina dengan mengambil kira ekstrak teori-teori yang diadaptasi di dalam kerangka teoritikal, objektif kajian, persoalan kajian dan kajian literatur, kemudian disusun atur sebagai kerangka khusus kajian MPPHT. Kerangka konseptual kajian digambarkan dalam rajah 1.2 berikut.



Rajah 1.2 Kerangka konseptual kajian MPPHT

Berdasarkan keseluruhan kerangka konsep, al-Quran dan al-Sunnah merupakan asas utama dan rujukan primer kajian ini. Perkara ini bertepatan dengan *Usūl al-Sharī'ah* yang meletakkan kedua-dua sumber ini pada hierarki tertinggi (al-Ghazāli, 1997). Menerusi kaedah Teori Beralas (*grounded theory*), kajian ini meneroka tafsiran para mufasir al-Quran terhadap istilah *Halalan Tayyiban* bagi mengenal pasti prinsip-prinsipnya sekaligus menjawab persoalan pertama kajian. Pengenalpastian prinsip tersebut merupakan langkah penting bagi menjalankan kajian di fasa seterusnya. Kemudian enam *prinsip Halalan Tayyiban* (PHT) yang telah dibentuk merangkumi prinsip halal, diterima fitrah jiwa sejahtera, bersih, berkhasiat, selamat dan tiada syubhah memandu kajian untuk menganalisis al-Quran dan al-Sunnah bagi membentuk KDP beserta KP berkaitan sumber makanan dan minuman, jenis makanan dan minuman serta kaedah pengambilan makanan dan minuman.

Penemuan KDP dan KP bagi setiap domain tersebut akan menjawab persoalan kedua, ketiga dan keempat kajian ini. Rujukan silang setiap domain dengan PHT serta teori-teori pemakanan dijelaskan seperti berikut:

- i. Pemilihan sumber merujuk kepada tatacara pemilihan sumber mendapatkan makanan dan minuman. Domain ini menghubungkan kait gaya pemakanan dengan teori kesihatan spiritual (al-Ghazāli, 2004; al-Dhahabi, 1990; Ibn Qayyim, 1990). KDP dan KP yang dibentuk dalam domain ini dirujuk silang kepada tiga PHT iaitu halal, bersih dan tiada syubhah.
- ii. Pemilihan jenis merujuk kepada tatacara pemilihan jenis makanan yang halal, baik dan menyihatkan. Domain ini menghubungkan kait gaya pemakanan dengan teori kesihatan spiritual dan fizikal (Jawatankuasa Penyelaras Makanan dan Pemakanan Kebangsaan, 2010; al-Dhahabi, 1990; Ibn Qayyim, 1990). KDP dan KP yang dibentuk dalam domain ini dirujuk silang kepada keenam-enam PHT.
- iii. Kaedah pengambilan merujuk kepada tatacara pengambilan makanan dengan betul dan sesuai. Domain ini menghubungkan kait gaya pemakanan dengan teori kesihatan spiritual dan fizikal (Jawatankuasa Penyelaras Makanan dan Pemakanan Kebangsaan, 2010; al-Ghazāli, 2004; al-Dhahabi, 1990; Ibn Qayyim, 1990). Kod panduan dan KP yang dibentuk dalam domain ini dirujuk silang kepada tiga prinsip iaitu diterima jiwa, bermanfaat dan tiada mudarat.

Maka penghasilan objektif pertama hingga keempat secara langsung telah membentuk Model Pelan Pemakanan *Halālan Ṭayyiban*, ia secara langsung telah menjawab persoalan kajian kelima. Keseluruhannya, kerangka konseptual kajian ini telah mencakupi kesemua lima persoalan kajian yang telah dinyatakan dalam subtajuk yang lalu.

1.7 Kepentingan Kajian

Pemakanan sangat berkait rapat dengan kesihatan spiritual dan fizikal manusia (al-Ghazāli, 2004; Anuar, 1998). Walaupun KPI telah mula diperkenalkan sejak kurun ke-2 Hijrah lagi, namun sehingga kini ia masih mengekalkan konsep kandungan yang berat dan padat (al-Andalūsi, 1993; Abd al-Bāsiṭ, 2011). KPI turut dilanda isu berkaitan integriti dengan kewujudan rujukan daripada hadis yang palsu dan tersangat lemah. Selain itu KPI turut terkesan dengan kepelbagaian interpretasi *Ḥalālan Ṭayyiban* yang wujud di pasaran. Di atas keperluan untuk menangani permasalahan tersebut kajian ini dijalankan bagi membentuk sebuah MPPHT yang ringkas, ringan dan berintegriti melalui pengenalan KDP dan KP serta pelaksanaan proses penyaringan martabat hadis. Seterusnya kajian ini dilengkapi dengan pelaksanaan prosedur akhir bagi menghasilkan sebuah dokumen MPPHT. Kajian ini mempunyai kepentingan yang tersendiri sama ada secara langsung atau tidak langsung kepada korpus ilmu Islam, para pengkaji lanjutan dalam bidang pemakanan Islam, badan berwajib, industri halal dan masyarakat khususnya masyarakat Muslim.

Kepentingan kajian ini terhadap korpus ilmu Islam dapat dijemakan melalui penambahbaikan KPI sedia ada yang telah diperkenalkan secara penulisan berat dan padat oleh para sarjana Islam sejak lebih daripada seribu tahun dahulu (al-Aṣḥānī, 2006). Melalui anjakan pemikiran segar dengan pengenalan KDP dan KP yang bersesuaian di dalam MPPHT, hasil kajian ini dijangka akan melonjakkan identiti KPI ke peringkat yang lebih tinggi serta membuktikan bahawa KPI adalah relevan untuk diterima dan diamalkan pada setiap waktu dan tempat berdasarkan interpretasi yang sesuai, selain turut mengukuhkan bahawa sains pemakanan adalah selaras dengan KPI. Selain itu, kajian ini juga dilihat penting untuk dijalankan bagi memurnikan integriti KPI sedia ada yang berhadapan dengan isu penggunaan rujukan hadis palsu dan hadis yang tersangat lemah (Abd al-Bāsiṭ, 2011). Pemurnian tersebut dicapai melalui proses penyaringan martabat hadis dengan menggunakan kaedah yang akan diperincikan di dalam bab metodologi.

Hasil daripada MPPHT yang dibentuk, kajian ini dijangka mewujudkan ruang lingkup kajian lanjutan yang lebih jelas di masa hadapan kepada pengkaji lain yang ingin meneroka dengan lebih mendalam dan terarah di dalam bidang KPI. Kepentingan kajian ini lebih terzahir terutamanya kepada pengkaji yang berkecimpung di dalam kajian berkenaan manfaat dan hikmah KPI dari sudut saintifik. Jika sebelum ini, pengkaji yang ingin mengkaji amalan pemakanan Islam tertentu haruslah terlebih dahulu meneliti secara keseluruhan rujukan-rujukan berkaitan termasuk al-Quran, kitab-kitab hadis, tafsiran al-Quran dan syarahan hadis sebelum kajian yang mendalam terhadapnya dijalankan. Selain itu pengkaji lanjutan juga perlu mengenal pasti terlebih dahulu kesahihan hadis-hadis berkaitan KPI yang ingin dikaji bagi memastikan kajiannya mencapai matlamat seperti yang dijangka. Maka dengan terlaksananya MPPHT di dalam kajian ini, para pengkaji lanjutan boleh merujuk terus kepadanya dan menfokuskan kajian mereka terhadap sudut saintifik, situasi akan menjimatkan masa dan tenaga para pengkaji lanjutan.

Kajian ini juga dilihat sangat perlu dijalankan bagi menyokong usaha badan berwajib seperti KPM dalam mempromosikan gaya pemakanan sihat di pelbagai peringkat pendidikan. Realitinya, KPM telah terlibat secara aktif dengan melaksanakan pelbagai promosi pemakanan sihat, antaranya dengan memperkenalkan Kurikulum Pendidikan Kesihatan kepada murid di peringkat sekolah rendah dan menengah. Usaha ini ditumpukan oleh KPM bagi meningkatkan literasi kesihatan agar gaya hidup sihat dapat ditekan dan dipraktikkan oleh murid di pelbagai peringkat ke arah melahirkan murid yang seimbang dan cemerlang daripada pelbagai aspek (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013). Maka dengan terlaksananya kajian ini, MPPHT berpotensi untuk digabung jalin bersama-sama Kurikulum Pendidikan Kesihatan di sekolah kebangsaan atau Kurikulum Pendidikan Islam di sekolah agama seterusnya mencetuskan dimensi baru Pendidikan Kesihatan di Malaysia.

Melihat kepada perkembangan pesat industri halal, kajian ini juga dilihat penting bagi menyokong pertumbuhan industri halal sama ada di peringkat kebangsaan atau antarabangsa daripada sudut penyediaan mekanisme penilaian kepada industri bagi memudahkan mereka menilai tahap kepatuhan amalan konsep *Halālan Ṭayyiban*. Oleh itu, Prinsip *Halālan Ṭayyiban* yang dibentuk di dalam kajian

ini boleh dimanfaatkan oleh pihak yang berkaitan seperti Jabatan Standard Malaysia (2010) bagi mengemaskini pelan-pelan halal yang telah diterbitkan sebagai panduan dan kegunaan kepada pemain industri di dalam membuat penilaian ke atas kepatuhan amalan konsep *Halālan Ṭayyiban*.

Manakala kepentingan kajian ini secara umum adalah berbalik kepada masyarakat awam, khususnya masyarakat Muslim. Hal ini kerana kesihatan spiritual merupakan aset berharga bagi membolehkan manusia menjalani kehidupan dalam keimanan dan kerohanian yang sejahtera, manakala kesihatan fizikal pula membolehkan manusia menjalani kehidupan ekonomi dan sosial yang produktif (Anuar, 1998; Ruaain, 1994). Oleh itu pelaksanaan kajian MPPHT secara langsung mewujudkan lebih pilihan kepada masyarakat dalam mengamalkan gaya pemakanan sihat dan ia bertepatan dengan visi Kementerian Kesihatan Malaysia yang menfokuskan pengembelengan tenaga ke arah mencapai kesihatan yang lebih baik (Kementerian Kesihatan Malaysia, 2014b).

1.8 Batasan Kajian

Kajian ini mengadaptasi reka bentuk metodologi kualitatif sepenuhnya bagi membentuk sebuah model pelan pemakanan berdasarkan prinsip-prinsip *Halālan Ṭayyiban*. Oleh kerana sumber rujukan primer dalam pemakanan Islam adalah al-Quran dan al-Sunnah (al-Dhahabi, 1990; Ibn Qayyim, 1990), maka kajian ini dibataskan kepada Kajian Dokumen. Pembatasan ini adalah relevan kerana tiada sumber lain dalam bentuk fizikal tubuh yang boleh diakses bagi mendapatkan maklumat-maklumat berautoriti berkenaan pemakanan Islam. Selain itu, pembatasan ini juga adalah selaras dengan praktik kajian-kajian dan penulisan-penulisan lepas dalam bidang pemakanan Islam (al-Dhahabi; 1990; Ibn Qayyim, 1990; Deuraseh, 2014; Abd al-Bāsīt 2011; Mohammad Mazhar, 2009; Monika, 2003).

Kajian fasa I membataskan penglibatan 20 dokumen kitab tafsir yang mengandungi pandangan para mufasir al-Quran terhadap istilah *Halālan Ṭayyiban*. Pembatasan 20 dokumen adalah dengan mengambil kira saiz persampelan reka bentuk Teori Beralas seperti yang dicadangkan oleh Creswell (2012). Manakala kajian fasa II membataskan penglibatan 11 dokumen merangkumi senaskhah terjemahan al-Quran, sembilan buah kitab hadis (*al-Kutub al-Tis'ah*) dan sebuah buku berkaitan pemakanan Islam. Penglibatan naskhah al-Quran dan kitab hadis di dalam kajian ini adalah penting kerana kedua-duanya merupakan sumber rujukan paling utama di dalam Islam (al-Ghazāli, 1997). Bilangan kitab hadis dibataskan kepada sembilan buah kitab adalah dengan mengambil kira pandangan Muhammad al-Sibagh (1964) bahawa kandungan sembilan kitab hadis ini telah mencukupi bagi memahami teras dan cabang agama. Manakala pembatasan penglibatan hanya sebuah buku berkaitan KPI di dalam kajian ini adalah dengan mengambil kira peranannya sebagai mekanisme pencarian kata kunci hadis pemakanan yang diaplikasi ketika mengumpulkan data-data daripada sembilan kitab hadis menggunakan perisian Maktabah Shamilah 3.61.

Perlu dijelaskan juga bahawa matlamat kajian ini adalah membentuk sebuah MPPHT. Maka dengan merujuk kepada Pelan Pemakanan Kovesional (PPK) seperti "*Malaysian Dietary Guidelines*" (Jawatankuasa Penyelaras Makanan dan Pemakanan Kebangsaan, 2010) dan "*Eating Well with Canada's Food Guide*" (Health Canada, 2014), kajian ini dibataskan kepada penghasilan model pelan pemakanan sahaja, adapun perkara berkaitan hikmah dan manfaat pemakanan adalah berada di luar skop kajian ini.

1.9 Definisi Operasional Kajian

Beberapa frasa yang diguna pakai di dalam kajian ini perlu diperjelas bagi mendapatkan gambaran dan kefahaman tepat tentang kandungan kajian.

1.9.1 Model

Dari segi bahasa, model membawa banyak maksud seperti jenis, fesyen, reka bentuk, peragawan, sesuatu sampel yang ditiru bagi mengeluarkan produk selepasnya atau kerja awal yang bertindak sebagai pelan kepada kerja akhir yang akan dijalankan (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005; Crozier, 2005). Maka merujuk kepada konteks kajian ini, model pelan pemakanan adalah sebuah prototaip pelan pemakanan yang berfungsi sebagai draf akhir sebelum ia dimuktamadkan untuk diterbitkan sebagai pelan pemakanan sebenar melalui pelaksanaan kajian lanjutan oleh pihak berwajib yang menumpukan kepada proses pengesahan oleh pakar-pakar yang berkaitan.

1.9.2 Pelan Pemakanan

Secara literasi, pelan merujuk kepada suatu kenyataan atau petunjuk polisi atau prosedur yang digunakan untuk menentukan tindakan (Watkins, 2000). Manakala pemakanan merujuk kepada perbuatan memakan sesuatu (Kuether et al., 2003). Dalam frasa yang lengkap, pelan pemakanan diertikan sebagai cadangan berkenaan tatacara atau kaedah untuk mengamalkan pemakanan sihat serta mempraktikkan cara hidup aktif (Kementerian Kesihatan Malaysia, 2010). Di Malaysia, KKM telah mengeluarkan pelbagai pelan pemakanan dan yang utamanya adalah "*Malaysian Dietary Guidelines*". Pelan pemakanan ini menyenaraikan 14 kunci mesej utama yang terkandung di dalamnya 55 kunci cadangan sebagai garis panduan pengamalan diet sihat harian (Kementerian Kesihatan Malaysia, 2010). Maka merujuk kepada kajian ini, pelan pemakanan diertikan sebagai cadangan yang memberikan maklumat tentang tatacara pemilihan, pengaturan dan pengambilan makanan dan minuman dengan betul, serta dapat menyokong ke arah pencapaian dan pengendalian kesihatan yang baik. Frasa

“pelan pemakanan” diaplikasi dalam tajuk kajian adalah dengan mengambil kira praktik penggunaannya di dalam “*DASH Eating Plan*” (National Institutes of Health, 2014b) dan “*Five Food Group Plan*” (National Health and Medical Research Council, 2013).

Pembinaan model pelan pemakanan di dalam kajian ini adalah berpandukan kepada teori falsafah kajian bahawa pemakanan haruslah menyokong ke arah kesihatan spiritual dan fizikal. Selain itu, pembinaan kandungan model pelan pemakanan turut menghasilkan kod panduan dan kunci pemakanan. Oleh kerana itu, definisi mengenai kesihatan spiritual, kesihatan fizikal, kod panduan dan kunci pemakanan adalah dijelaskan seperti berikut:

i. Kesihatan Spiritual

Dalam bahasa Inggeris, spiritual berasal daripada perkataan *spirit* iaitu kepercayaan tradisi yang menjadi prinsip penting untuk menghidupkan kekuatan dalam kehidupan (Watkins, 2000). Dalam maksud yang mudah, spiritual adalah sesuatu yang berkait dengan kejiwaan dan kepercayaan. Jika difahami dengan lebih teliti, spiritual merujuk kepada hubungan seseorang dengan kepercayaan keagamaannya (Hollins, 2006). Spiritual jika diterjemahkan secara *harfiyyah* ke dalam bahasa Arab akan menjadi perkataan *ruhiyyah* atau *ruhaniyyah* (al-Maany, 2014). Ibn Qayyim (2005) menghuraikan maksud *ruhiyyah* sebagai suatu keadaan mengenal Allah SWT, mencintainya serta kemahuan bagi mendapatkannya. *Ruhiyyah* inilah yang membantu ahli taat dan para soleh dalam menuruti segala perintah Allah SWT. Maka merujuk kepada kajian ini, kesihatan spiritual didefinisikan sebagai hubungan kerohanian seorang manusia dengan Allah SWT yang dizahirkan melalui ketaatan terhadap perintahNya dan menjauhi laranganNya.

ii. Kesihatan Fizikal

Sihat adalah perkataan yang digunakan untuk menzahirkan tanggapan tertentu seperti kenyataan “kondisi yang baik”. Selain itu perkataan ini juga digunakan untuk menunjukkan idea yang berkemungkinan efektif dalam percubaan untuk menyelesaikan masalah (Dolfman, 1973). Ibn Manzūr (2003) turut menghuraikan maksud sihat bahawa ia adalah keadaan yang bebas dari penyakit dan keaiban, serta sejahtera daripada kekurangan. Walaupun secara lafaz wujud perbezaan pada huraian-huraian tersebut, namun kefahaman umum tentang kesihatan adalah merujuk kepada kondisi tubuh badan dan mental yang baik serta bebas daripada sebarang penyakit (Crozier, 2005). Manakala perkataan fizikal pula bermaksud keseluruhan struktur tubuh manusia atau haiwan (Crozier, 2005). Namun Ibn Manzūr (2003) menspesifikasikan fizikal atau dalam istilah lain disebut “jasad” sebagai struktur tubuh badan manusia sahaja, selain daripada itu sama ada haiwan atau tumbuhan tidak disebut sebagai jasad.

Merujuk kepada perspektif Islam dan konvensional terhadap faktor kesihatan fizikal, terdapat persamaan di antara kedua-duanya dalam satu segi namun berbeza daripada segi yang lain. Persamaan kedua-dua perspektif bertemu di dalam maksud bahawa “pengamalan gaya pemakanan yang betul dapat mengekalkan kesihatan fizikal”. Namun dari sudut yang lain, Islam turut mengiktiraf faktor peranan takdir ilahi dalam penentuan kesihatan fizikal (al-Dhahabi, 1990). Bukti peranan takdir ilahi dalam penentuan kesihatan disandarkan kepada amalan berdoa meminta kesejahteraan yang diajarkan oleh Rasulullah SAW:

"سَلُوا اللَّهَ الْعُقُومَ وَالْعَافِيَةَ وَالْيَقِينَ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ"

“Mintalah kepada Allah keampunan, kesejahteraan dan keyakinan di dunia dan akhirat” (Ahmad, 2001: 6).

Manakala perspektif konvensional meletakkan faktor gaya hidup sebagai pengaruh kedua kepada kesihatan individu. Oleh itu individu yang tidak cergas lebih berpotensi mendapat penyakit berbanding daripada individu

yang cergas. Maka berdasarkan perbincangan tersebut, kesihatan fizikal di dalam kajian ini merujuk kepada kondisi struktur tubuh badan manusia yang baik dan bebas daripada sebarang penyakit.

iii. Kod Panduan (KDP)

Kod dalam perkataan tunggal merujuk kepada suatu sistem atau peraturan berkenaan simbol yang menggambarkan maklumat tertentu (Parker, 2002). Manakala panduan pula bermaksud cadangan berkenaan tatacara yang harus diikuti bagi mencapai matlamat tertentu (Parker, 2002). Maka merujuk kepada konteks kajian ini, KDP diertikan sebagai simbol khusus yang menggambarkan cadangan pemakanan yang perlu diikuti ke arah mencapai kesihatan spiritual dan fizikal.

iv. Kunci Pemakanan (KP)

Kunci dalam perkataan tunggal merujuk kepada pelbagai makna seperti anak kunci, ibu kunci, penahan, formula, petua, kedudukan dalam jawatan dan rentetan nada yang saling berhubung (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005). Manakala pemakanan seperti yang telah dibincangkan dalam subtajuk yang lalu merujuk kepada proses yang menggambarkan perbuatan memilih serta mengatur makanan dan minuman (Amzan dan Hazira, 2007). Berdasarkan konteks kajian ini, gabungan kedua-dua perkataan yang membentuk frasa KP dapat dirujuk kepada maksud simbol kecil yang menggambarkan huraian kepada cadangan pemakanan. Dalam erti kata yang lain, KP terkandung di bawah KDP sebagai subcadangan pemakanan.

1.9.3 Prinsip *Ḥalālan Ṭayyiban* (PHT)

Prinsip dari sudut istilah merujuk kepada peraturan atau undang-undang berkaitan fenomena semula jadi atau perilaku sesuatu sistem (Crozier, 2005). Adeney (2000) pula menyatakan bahawa prinsip merupakan suatu saranan yang membantu dalam menjelmakan kembali praktik moral daripada satu konteks ke konteks yang lain. Manakala Muhammad 'Amim (1986) menjelaskan maksud prinsip sebagai sesuatu yang dirujuk kepada segala permasalahan ilmu. Rumusan daripada takrifan ini, prinsip boleh didefinisikan sebagai dasar yang dijadikan sebagai panduan kepada sesuatu tindakan.

Ḥalālan dari segi bahasa berasal daripada perkataan *ḥalla* iaitu terurai. Contohnya *ḥallat al-'uqdaḥ* maksudnya terurai ikatan (Ibn Manzūr, 2003). Dari segi istilah, halal dihuraikan oleh Abū Zuhrah (1987) sebagai sesuatu yang dibenarkan oleh syarak dan telah terurai ikatan tegahan daripadanya. Firman Allah SWT:

"وَلَا تَقُولُوا لِمَا تَصِفُ أَلْسِنَتُكُمُ الْكَذِبَ هَذَا حَلَلٌ وَهَذَا حَرَامٌ لِيَتَفَتَرُوا عَلَى اللَّهِ الْكَذِبَ إِنَّ
الَّذِينَ يَفْتَرُونَ عَلَى اللَّهِ الْكَذِبَ لَا يُفْلِحُونَ ﴿١٦﴾"

“Dan janganlah kamu mengatakan terhadap apa yang disebut-sebut oleh lidahmu secara dusta ‘ini halal dan ini haram’, untuk mengada-adakan kebohongan terhadap Allah” (surah al-Nahl, 16:116).

Manakala *ṭayyiban* dari segi bahasa berasal daripada perkataan *tāba* iaitu baik. Selain itu ia juga memberi maksud lazat, suci, elok dan menyenangkan (al-Fairūz Ābidi, 2004). Contohnya *tāba al-shai' ṭayyiba*, maksudnya sesuatu itu telah menjadi baik sebaik-baiknya. Dari segi istilah pula ia memberi pelbagai maksud berbeza bergantung kepada struktur ayat yang dibina. Maksud *ṭayyiban* akan dihuraikan secara terperinci berdasarkan pelbagai pandangan mufasir al-Quran dalam bab 4 (dapatkan kajian). Namun secara umum, *ṭayyiban* boleh dirujuk kepada sifat yang diterima jiwa, bersih, bermanfaat, tiada mudarat dan tiada syubhah (al-Zuhaili, 2002b; Ibn Kathīr, 1999; Ibn 'Āshūr, 1984). Firman Allah SWT:

"لِيَمِيزَ اللَّهُ الْخَبِيثَ مِنَ الطَّيِّبِ وَيَجْعَلَ الْخَبِيثَ بَعْضُهُ عَلَى بَعْضٍ فَيَرْكُمَهُ جَمِيعًا فَيَجْعَلَهُ فِي
جَهَنَّمَ أُولَئِكَ هُمُ الْخٰسِرُونَ ﴿١٦﴾"

“Supaya Allah memisahkan yang buruk dari yang baik dan menjadikan yang buruk itu sebahagiannya di atas sebahagian yang lain” (surah al-Anfal, 8:37).

Berdasarkan perbincangan di atas, PHT di dalam kajian ini merujuk kepada suatu dasar yang terdiri daripada dua unsur utama iaitu halal dan baik. Kedua-dua unsur ini diterokai melalui tafsiran yang diberikan oleh para mufasir al-Quran terhadap istilah *Ḥalālan Ṭayyiban* bagi menghasilkan PHT yang kemudiannya dijadikan sebagai panduan dalam pembinaan MPPHT.

1.10 Kesimpulan

Bab ini telah membincangkan secara tuntas persoalan kajian merangkumi pengenalan terhadap kajian, latar belakang masalah yang kemudiannya dirumuskan dalam pernyataan masalah. Bab ini turut membincangkan matlamat utama kajian yang dihuraikan melalui objektif kajian bagi menjawab persoalan kajian, kerangka teoretis-konsepsi, kepentingan kajian, batasan kajian dan definisi operasional kajian. Perbincangan kajian ini seterusnya akan dilanjutkan kepada bahagian sorotan literatur bagi menghuraikan segala maklumat berkaitan MPPHT yang perlu diketahui dan difahami oleh pengkaji bagi menghasilkan dapatan kajian yang berkualiti.

RUJUKAN

- ‘Ali al-Sheikh, Sālih bin Abd al-Azīz bin Muḥammad ‘Ali. (2003). *Manāhij al-Mufasssīrīn*. Islamway.net. (Transkrip pengajian).
- Abd al-Bāsiṭ Muḥammad al-Sayyid. (2011). *al-Taghdhiah al-Nabawiyyah* (Hamzah bin Raden Anwar, Trans. Mohd. Puzhi Usop Ed. 2 ed.). Selangor: al-Hidayah Publications.
- Abdullah Basmeith. (2007). *Tafsir al-Rahman Interpretation of The Meaning of The Qur'an*. Putrajaya: Department of Islamic Development Malaysia.
- Ābidi, Muhammad Shams al-Haq al-‘Azim. (1968). *‘Aun al-Ma‘būd Sharḥ Sunan Abī Dāūd*. Madinah: al-Maktabah al-Salafīyyah.
- Abū Dāūd, Sulaimān al-Sijistāni. (2003). *Sunan Abī Dāūd* (2 ed.). Riyadh: Maktabah al-Ma‘ārif li al-Nashar wa al-Tauzī‘.
- Abū Hayyān, Muḥammad. (2008). *Tafsīr al-Baḥr al-Muḥīṭ* (‘Adil Aḥmad Ed.). Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Abū Ishāq al-Naisābūri, Aḥmad bin Ibrāhīm al-Tha‘labi. (2001). *al-Kashf wa al-Bayān ‘An Tafsīr al-Qurān*. Beirut: Dār Ihyā' al-Turāth al-‘Arabi.
- Abū Zuhrah, Muḥammad bin Aḥmad. (1987). *Zuhrah al-Tafāsīr*. al-Qāhirah: Dār al-Fikr al-‘Arabi.
- Adeney, B.T. (2000). *Strange Virtues: Ethics in a Multicultural World* (Ioanes Rakhmat, Trans.). Yogyakarta: Penerbit Kanisius.
- Aḥmad Shākir, Muḥammad. (1995). *Musnad al-Imām Aḥmad bin Ḥanbal (tahkik)*. al-Qāhirah: Dār al-Hadīth.
- Aḥmad, bin Ḥanbal. (2001). *Musnad Aḥmad bin Ḥanbal*. Beirut: Muassasah al-Risālah.
- Aiyana, J. (2007). *Chinese Medicine & Healthy Weight Management: An Evidence-Based Integrated Approach*. United State: Blue Poppy Press.
- al-‘Aini, Badr al-Dīn (2006). *‘Umdah al-Qārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. T.T.P: Multaqa ahl al-Hadīth.
- al-‘Ibād, Abd al-Muḥsin. (2003). *Sharḥ Sunan Abī Dāūd*. Penerbit: Islamway.net (rakaman audio).
- al-Adawi, Mustafa. (2013). *Makanan Sunnah Nabi*. Puchong, Selangor: Jasmin.

- al-Albāni, Muḥammad Nāsir al-Dīn. (1980). *Ghāyah al-Marām fi Takhrīj Ahādīth al-Halāl wa al-Ḥarām*. al-Dimasyq: al-Maktab al-Islāmi.
- al-Albāni, Muḥammad Nāsir al-Dīn. (1985). *Irwā' al-Ghalīl fi Takhrīj Ahādīth Manār al-Sabīl*. Beirut: al-Maktab al-Islāmi.
- al-Albāni, Muḥammad Nāsir al-Dīn. (1988). *Saḥīḥ wa Ḍa'īf al-Jami' al-Ṣoḡhir wa Ziyadahtuh (al-Jami' al-Kabir)*. al-Maktab al-Islāmi.
- al-Albāni, Muḥammad Nāsir al-Dīn. (1989). *al-Adab al-Mufrad li al-Bukhāri (tahkik)* (Muhammad Fuad 'Abd al-Baqi Ed. 3 ed.). Beirut: Dār al-Bashāir al-Islāmiyyah.
- al-Albāni, Muḥammad Nāsir al-Dīn. (1992). *Silsilah al-Ahadith al-Dho'ifah wa al-Maudhu'ah*. Riyadh: Maktabah al-Ma'ārif.
- al-Albāni, Muḥammad Nāsir al-Dīn. (1995). *Silsilah al-Ahadith al-Sohihah wa Shai' min Fiḡhuha wa Fawaiduha*. Riyadh: Maktabah al-Ma'ārif.
- al-Albāni, Muḥammad Nāsir al-Dīn. (1997). *Saḥīḥ wa Ḍa'īf Sunan Ibn Mājah*. Beirut: Maktabah al-Ma'ārif.
- al-Albāni, Muḥammad Nāsir al-Dīn. (1998). *Saḥīḥ wa Ḍa'īf Sunan al-Tirmidhi*. Beirut: Maktabah al-Ma'ārif.
- al-Albāni, Muḥammad Nāsir al-Dīn. (2002). *Saḥīḥ wa Ḍa'īf Sunan Abī Dāūd*. Kuwait: Muassasah Garrās.
- al-Albāni, Muḥammad Nāsir al-Dīn. (2008). *Saḥīḥ wa Ḍa'īf al-Targhīb wa al-Tarhīb*. Riyadh: Maktabah al-Ma'ārif.
- al-Alūsi, Syihābuddīn Maḥmud bin Abdullah al-Ḥusaini. (1994). *Rūh al-Ma'āni fi Tafsīr al-Qurān al-'Azim wa al-Sab' al-Mathāni* (Vol. 9). Beirut: Dār al-Kutub al-Ilmiyyah.
- al-Andalūsi, 'Abd al-Mālik Ḥabīb. (1993). *al-Ṭibb al-Nabawi* (Muḥammad 'Ali al-Bar Ed.). al-Dimasyq: Dār al-Qalam.
- al-Anṣāri, Sirāj al-Dīn 'Umar bin 'Ali. (1992). *al-Muqni' fi 'Ulūm al-Hadīth*. Saudi Arabia: Dār al-Fawwaz.
- al-Aqfāhisi, Aḥmad bin 'Imād. (2007). *Manzumah Adāb al-Akl wa al-Shurb wa al-Naum wa al-Duā' ma'a Sharhihā*. Amman: Dār al-Ḥasan.
- al-Arnawūṭ, Abd al-Qādir. (1969). *Jāmi' al-Usūl fi Ahādīth al-Rasūl li Ibn Athīr (Tahqiq)*. Saudi Arabia: Maktabah al-Halwāni.
- al-Arnawūṭ, Shuaib. (1993). *Sahih Ibn Hibban bi Tartib Ibn Luban*. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- al-Arnawūṭ, Shuaib. (2001). *Musnad al-Imām Aḥmad bin Ḥanbal*. Beirut: Muassasah al-Risalah.

- al-Arnawūt, Shuaib. (2009a). *Sunan Abī Dāūd*. Beirut: Dār al-Risālah al-'Ilmiyyah.
- al-Arnawūt, Shuaib. (2009b). *Sunan Ibn Mājah*. Mesir: Dār al-Risālah al-'Ilmiyyah.
- al-Aṣfahāni, Aḥmad bin Abdullah bin Aḥmad bin Ishāq. (2006). *al-Ṭibb al-Nabawi* (Mustafa Khadar Ed.). Beirut: Dār Ibn Ḥazam.
- al-‘Asqolānī, Ibn Ḥajar. (1960). *Fath al-Bārī Sharḥ Ṣaḥīh al-Bukhārī*. Beirut: Dār al-Ma‘rifah.
- al-‘Auni, al-Sharīf Hātim ‘Arīf. (2011). *Masādir al-Sunnah wa Manāhij Muṣannifihā*. Penerbit: Abū al-Mahdi al-Najdi (rakaman audio).
- al-Baghawi, al-Ḥusain bin Mas‘ūd. (1997). *Ma‘ālim al-Tanzīl fī Tafsīr al-Qurān*. al-Qāhirah: Dār Taybah li al-Nashar wa al-Tauzī‘.
- al-Baihaqī, Abū Bakar bin Ḥusain. (2012). *al-Sunan al-Kubra*. Makkah al-Mukarramah: Maktabah Dār al-Bāz.
- al-Baihaqī, Aḥmad bin al-Ḥusain bin ‘Ali bin Mūsa. (2003). *al-Jāmi‘ li Sha‘b al-‘Imān*. Riyadh: Maktabah al-Rusd.
- al-Bājī, Sulaimān bin Khalaf bin Sa‘ad (2004). *al-Muntaqa: Sharḥ Muwaṭṭa‘ Mālik*. Mesir: Maktabah al-Thaqāfah al-Diniyyah.
- al-Bakri, Abū Bakar bin Muḥammad al-Dumyaṭī. (2007). *Hasyiah I‘ānah al-Tālibīn ‘ala Hall Alfādh al-‘Muīn*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Bukhārī, Muḥammad bin Ismāīl. (2002). *al-Jāmi‘ al-Ṣoḥīḥ*. Beirut: Dār Tūq al-Najāh.
- al-Dārimi, Abdullah bin Abd al-Rahmān. (1987). *Sunan al-Dārimi*. Beirut: Dār al-Kitāb al-‘Arabi.
- al-Darqutni, ‘Ali bin ‘Umar bin Aḥmad bin Mahdi. (2004). *Sunan al-Darqutni*. Beirut: Muassasah al-Risālah.
- al-Dhahabi. (1990). *al-Ṭibb al-Nabawi* (3 ed.). Beirut: Dār Ihyā‘ al-‘Ulūm.
- al-Fairūz Ābidi, Muḥammad Ya‘kūb. (2004). *al-Qāmūs al-Muḥīt*. Beirut: Dār al-Kutub li al-Nashr wa al-Tauzī‘.
- al-Ghazāli, Abu Hāmid Muḥammad bin Muḥammad. (2004). *Ihyā‘ ‘Ulūm al-Dīn* (Vol. 1-5). Mesir: al-Maktabah al-Taufīqiyyah.
- al-Ghazāli, Abu Hāmid Muḥammad bin Muḥammad. (1997). *al-Muṣtaṣfa fī ‘Ilm al-Usūl* (Muḥammad bin Sulaimān al-Ashqar Ed.). Beirut: Muassasah al-Risālah.
- al-Haithami, Nūr al-Dīn ‘Ali bin Abi Bakr. (1992). *Majma‘ al-Zawāid wa Manba‘ al-Fawāid*. Beirut: Dār al-Fikr.
- al-Hakīm, Abū ‘Abdullah Muḥammad al-Naisābūri. (2007). *Al-Mustadrak ‘ala al-Saḥīḥain* (Vol. 1-12). Beirut: Dār al-Fikr.

- al-Ḥanbali, Zain al-Dīn Abd al-Rahmān. (2001). *Jāmi' al-'Ulūm wa al-Hikam*. Beirut: Muassasah al-Risālah.
- al-Huwaini. (2001). *Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*: Norah al-Malahi Foundation.
- al-'Irāqī, Abū al-Fadhī. (1995). *al-Mughnī 'ala Ḥaml al-Asfār*. Riyadh: Maktabah Batriyyah.
- al-'Irāqī, Ibn al-Subki, & al-Zubaidi. (1987). *Takhrīj Ahādīth al-Ihyā'*. Riyadh: Dār al-'Āṣimah.
- al-Jazari, Abū al-Su'ādah al-Mubārak bin Muḥammad. (1979). *al-Nihāyah fī Gharīb al-Āthār* (Ṭahir Aḥmad al-Zawi & Maḥmūd Muḥammad al-Tanāhi Eds.). Beirut: al-Maktabah al-'Ilmiyyah.
- al-Khadī', 'Abdullah Yūsuf. (2003). Tahrīr 'Ulūm al-Hadīth. Beirut: Muassasah al-Rayyān.
- al-Khaṭṭabi, Abū Sulaiman Aḥmad bin Muḥammad. (1932). *Ma'ālim al-Sunan*. Halab: al-Maṭba'ah al-'Ilmiyyah.
- al-Khāzin, 'Alā' al-Dīn 'Alī bin Muḥammad. (1995). *Lubāb al-Ta'wīl fī Ma'āni al-Tanzīl*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Khīn, al-Bugha, & al-Sarbijī. (1992). *al-Fiqh al-Manhaji 'ala Madhhab al-Imām al-Shāfi'*. Dimasyq: Dār al-Qalam.
- al-Maany. (2014). Tarikh akses: 22 Januari, 2014, daripada alamat: <http://www.almaany.com/en/dict/ar-en/spiritual/>
- al-Maḥalli, Jalāl al-Dīn Muḥammad bin Aḥmad, & al-Suyūti, Jalal al-Din Abd al-Rahman bin Abi Bakr. (1986). *Tafsir al-Jalālain*. al-Qāherah: Dār al-Ḥadīth.
- al-Majlis al-A'lā li al-Shūn al-Islāmiyyah. (2002). *al-Mausū'ah al-Qurāniyyah al-Mutakhaṣṣisah*. Mesir: al-Majlis al-A'lā li al-Shūn al-Islāmiyyah.
- al-Maktab al-Ta'āwun li al-Da'wah bi al-Raudhah. (2014). Tarikh akses: 29 Januari, 2014, daripada alamat: <http://arawdah.com/dimofinf/page.php?do=show&action=rwrs>
- al-Manāwī, Zain al-Dīn Muḥammad al-Mad'ū. (1994). *Faiḍ al-Qadīr Sharḥ al-Jāmi' al-Ṣaḥīḥ*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Mubārakfūri, Abd al-Rahmān bin Abd al-Raḥīm. (2001). *Tuhfah al-Ahwazi Sharḥ Jāmi' al-Tirmidhi*. al-Dimasyq: Dār al-Fikr al-Islamiyyah.
- al-Mubārakfūri, Ubaid Allah bin Muḥammad Abd al-Salām. (1984). *Mar'āt al-Mafātīh Sharḥ Mishkat al-Masābīh*. India: al-Jāmi'ah al-Salafiyah.
- al-Muzaini, Khālid bin Sulaimān. (2006). *al-Mehwar fī Asbāb Nuzūl al-Qurān min Khilāl al-Kutub al-Tis'ah Dirāsah al-Asbāb Riwayah wa Dirāyah*. al-Damam: Dār Ibn al-Jauzi.

- al-Naisābūri, Ya'kūb bin Ishāq bin Ibrāhīm. (1998). *Mustakhrāj Abi 'Awanah*. Beirut: Dār al-Ma'rifah.
